

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN  
DAN IKRAR INTEGRITI KORPORAT OLEH  
YAYASAN NAAM DAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**20 MEI 2014 (SELASA)  
GALERI KBS**

***BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM***

**YANG BERTAMBAH HORMAT EN. KHAIRY JAMALUDDIN  
MENTERI BELIA DAN SUKAN**

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK M. SARAVANAN  
TIMBALAN MENTERI BELIA DAN SUKAN MERANGKAP PENGASAS  
YAYASAN NAAM**

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK JAMIL BIN SALLEH  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**YANG BERTAMBAH HORMAT TAN SRI ABU KASSIM BIN MOHAMED  
KETUA PESURUHJAYA SPRM**

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATUK DR. RAHAMAT BIVI BINTI YUSUFF  
KETUA PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN  
PERDANA MENTERI**

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' HAJAH SUTINAH BINTI SUTAN  
TIMBALAN KETUA PESURUHJAYA SPRM BAHAGIAN  
PENCEGAHAN**

**YANG BERTAMBAH HORMAT PROF. DATUK DR. HAJI MOHAMED HANIFFA  
PEMEGANG AMANAH YAYASAN NAAM**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN  
RASUAH MALAYSIA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIT PERANCANG EKONOMI, JPM**

**AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN KETUA-KETUA NEGERI  
YAYASAN NAAM**

**TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN.  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,  
SELAMAT SEJAHTERA DAN SALAM 1 MALAYSIA.**

Terlebih dahulu, pada petang yang penuh keberkatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada **Yayasan *New Affirmative Action Movement* (NAAM)** yang diterajui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan di atas kejayaan menganjurkan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dan Ikrar Integriti Korporat di antara Yayasan NAAM dan Kementerian Belia dan Sukan. Ini jelas menunjukkan komitmen dan kesungguhan Yayasan NAAM untuk mempromosi nilai-nilai integriti dan tadbir urus yang baik dalam merealisasikan hasrat Kerajaan untuk membangunkan dan memperkasakan ekonomi belia khususnya belia kaum India di Malaysia.

#### **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA YAYASAN NAAM DAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**Y.BHG. TAN SRI, DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN  
SEKALIAN,**

Memorandum Persefahaman (MoU) yang akan dimenterai pada hari ini melibatkan kerjasama di antara Yayasan NAAM dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam **Program Pembangunan Generasi Muda bagi 110,000 orang belia india**. Yayasan NAAM yang telah **ditubuhkan secara rasmi pada 3 Januari 2014** menggariskan matlamat dan sasaran yang cukup besar, **iaitu memperkasakan ekonomi belia dan beliawanis India** yang mana kumpulan sasar melibatkan lepasan PMR, SPM, belia yang berkelulusan rendah, tidak berpendapatan tetap atau belia yang berada dalam kategori 'berisiko tinggi'.

Dalam aspek ini, Yayasan NAAM bertanggungjawab menyediakan **latihan, kursus kemahiran dan program-program pembangunan bagi mempersiapkan belia untuk menceburi bidang pertanian, penternakan, perniagaan** sebagai pekerja mahir dan pengusaha bertaraf komersil disamping melahirkan usahawan muda yang mampu bersaing seiring dengan kemajuan Negara.

Justeru, dengan menandatangani MoU dengan pihak KBS, satu obligasi dan ikatan undang-undang di antara kedua-dua pihak akan terbentuk. Dengan ini, Yayasan NAAM dapat memastikan **pelaksanaan program dapat dijalankan mengikut tadbir urus yang baik dan mengikut skop-skop yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan**. Melalui MoU ini juga, kedua-dua pihak **tertakluk kepada undang-undang, kaedah dan peraturan yang berkuat kuasa**. Perkara ini dilihat penting supaya Yayasan NAAM berada di landasan yang betul kerana pelaksanaan program-program di bawah Yayasan NAAM melibatkan peruntukan yang besar dan harus mengguna pakai prosedur dan tatacara kewangan Kerajaan.

## **IKRAR INTEGRITI KORPORAT (CIP)**

**Y.BHG. TAN SRI, DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

**Saya memuji usaha Yayasan NAAM yang telah memulakan langkah dalam mempromosikan prinsip integriti dengan turut menjayakan pelancaran majlis Ikrar Integriti Korporat (CIP) pada hari ini.**

Dalam usaha memerangi rasuah, pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil pendekatan holistik dengan

mengambil inisiatif memperkenalkan Ikrar Integriti Korporat atau dikenali sebagai *Corporate Integrity Pledge (CIP)* sebagai salah satu mekanisma memperkukuhkan tadbir urus atau corporate gover nance sektor awam dan korporat di Malaysia.

Ikrar Integriti Korporat merupakan Aku Janji yang menunjukkan sesebuah syarikat atau organisasi itu memberi komitmen untuk bersama memerangi jenayah rasuah. **Dengan menandatangani ikrar ini, Yayasan NAAM, pelanggan dan semua vendor yang berurusan dengan Yayasan NAAM membuat pengakuan tidak akan terbabit dalam jenayah rasuah malah bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas rasuah.**

## **PRINSIP-PRINSIP IKRAR INTEGRITI KORPORAT**

Ikrar Integriti Korporat menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan-badan terlibat bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas dari rasuah. Terdapat **5 prinsip** yang perlu dipatuhi iaitu:

1. **MEMPROMOSIKAN** nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik;
2. **MEMPERKUKUHKAN** mekanisme kawalan dalaman dengan memasukkan elemen-elemen yang menyokong pencegahan rasuah;
3. **PEMATUHAN** undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah;
4. **MEMBANTERAS** sebarang bentuk amalan rasuah; dan
5. **MENYOKONG** inisiatif pencegahan rasuah yang diusahakan oleh Kerajaan Malaysia dan SPRM

SPRM yang telah dilantik sebagai *Custodian* kepada Ikrar Integriti Korporat akan melaksanakan pemantauan kepada penandatanganan Ikrar berdasarkan **8 Inisiatif Integriti** iaitu:

1. Kod Etika,
2. Percanggahan Kepentingan (*Conflict of Interest*);
3. Polisi Pemberi maklumat (*Whistle Blowing Policy*);
4. Polisi Rujukan (Referral Policy);
5. Polisi Pemberian / Penerimaan Hadiah;
6. Latihan, Pendidikan dan Komunikasi Etika;
7. Pematuhan Etika; dan
8. Pelaporan Anti- Rasuah

## **PENUTUP**

### **Y.BHG. TAN SRI, DATO'-DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

Kita tidak mahu Majlis petang ini menjadi satu medan semata-mata untuk menandatangani Memorandum Persefahaman dan Ikrar oleh kedua-dua belah pihak tetapi tiada pengisian sesudahnya. Namun, saya percaya, MoU dan Ikrar yang ditandatangani Yayasan NAAM dan Kementerian Belia dan Sukan akan dijadikan panduan pedoman daripada peringkat atasan sehingga ke peringkat paling bawah untuk mendokong prinsip integriti dalam tanggungjawab yang diberikan.

Sekali lagi saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yayasan NAAM di atas usaha murni ini, dan saya sudahi ucapan saya sekian, terima kasih.